

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

HST 422 - Pendudukan Jepun di Asia Tenggara

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 2.15 - 5.15 petang
(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. "Jepun memang mempunyai rancangan untuk menakluki Asia Tenggara" (Eric Robertson).

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada hubungan Jepun dengan salah sebuah negeri di Asia Tenggara sebelum 1941.

2. "Kerjasama elit-elit tempatan dengan pentadbiran tentera Jepun adalah disebabkan oleh nasionalisme".

Bincangkan dengan merujuk kepada Filipina atau Burma.

3. Bandingkan dan bezakan gerakan-gerakan penentangan yang terdapat di Asia Tenggara di antara 1941-45. Perbincangan seharusnya merujuk kepada sekurang-kurangnya dua(2) negara di Asia Tenggara.

4. "Jepun tidak membebaskan Asia Tenggara. Perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan dilahirkan oleh penentangan terhadap pendudukan Jepun dan segala kekejamannya" (Ienaga Saburo).

Bincangkan pendapat ini dengan merujuk kepada sumbangan Jepun terhadap kemerdekaan salah sebuah negeri di Asia Tenggara.

5. "Agama merupakan aspek penting dasar pentadbiran tentera Jepun di Asia Tenggara".

Bincangkan.

.../2

6. Sejauh manakah imperialisme Jepun itu berbeza dengan imperialisme Barat? Perbincangan boleh merujuk kepada mana-mana negeri atau Asia Tenggara secara keseluruhan.
7. "Penyelesaian kepada hutang darah telah memulakan imperialisme Jepun yang bersifat ekonomi yang lebih ganas daripada imperialisme 1941-45".

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada hubungan salah sebuah negeri Asia Tenggara atau rantau ini secara keseluruhan dengan Jepun sehingga 1960-an.

-ooo000ooo-